

# KULIAH ZOHOR

**“Ciri-ciri Dakwah Ke Jalan Allah”**

**Masjid Maarof | 24 Julai 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Ayat Al-Quran

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي  
وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

# Terjemahan

"Katakanlah: Inilah jalan (agama)ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku, mengajak (kamu) kepada Allah atas hujah (basirah) yang nyata, Maha Suci Allah dan aku tiada termasuk dalam orang-orang yang musyrik." (Yusuf : 108)

# Pengajaran

1. Ayat ini mengajar beberapa prinsip dalam kerja dakwah;
  - a. Allah adalah sumber dakwah
    - > perkataan “katakan” beri maksud Rasulullah s.a.w menerima perintah dari Allah taala
    - > perkataan “jalan (agama)ku” tunjuk dakwah harus berjalan atas panduan agama Islam
    - > ertinya dakwah hendaklah bersifat “min Allah” - dari Allah

b. Dakwah hendaklah ajak kepada (ubudiyah kepada) Allah taala, bukan mengganggu individu atau organisasi

- > ajak kepada Islam dahulu, sebelum yang lain-lain
- > ertinya sifat dakwah kita ialah “ila Allah” - kepada Allah

c. Dakwah dilakukan hanya kerana Allah taala

- > dilihat dari “Maha Suci Allah dan aku tiada termasuk dalam orang-orang yang musyrik”
- > melakukan dakwah atas niat selain dari mencari keredhaan Allah taala adalah syirik yang tersembunyi
- > sifat dakwah ialah “li Allah” - kerana Allah semata-mata

inilah maksud dakwah yang rabbani = min Allah, ila Allah, li Allah, bukan Yang lain.

e. Dakwah perlu dilakukan secara kolektif

> berdasarkan “aku dan orang-orang yang mengikutiku”

f. Dakwah perlu dilakukan atas kejelasan ilmu dan hujah bukan ikut-ikutan

> berdasarkan “mengajak (kamu) kepada Allah atas hujah (basirah) yang nyata”

> untuk melakukan dakwah atas ilmu, perlu faham dan sentiasa berfikir

2. Ayat juga ajar sumber-sumber kekuatan dakwah;

a. kekuatan pendekatan dan konsep

> berdasarkan “Katakanlah”, “Jalan (agama)ku”, “Atas hujah (basirah)”

b. Kekuatan kepemimpinan dan organisasi

- > berdasarkan “Aku dan mereka yang mengikuti ku”
- > “Aku” = Rasulullah s.a.w sebagai pemimpin
- > “Aku” + “mereka yang mengikuti aku” = organisasi

c. Kekuatan disiplin

> berdasarkan “mengikuti aku (Rasulullah s.a.w)” =  
istiqamah atas manhaj dan niat semata-mata kerana Allah  
taala

- > tanpa disiplin, segala prinsip akan mudah diabaikan
- > apabila prinsip ditinggalkan, dakwah jadi usaha yang  
memenangkan sahaja, tidak berkesan dan tiada nilai di sisi  
Allah

# KULIAH ZOHOR

**“Anjuran Berinteraksi Dengan Bukan Muslim”**

**Masjid Maarof | 24 Julai 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)



# Ayat Al-Quran



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾

وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٣﴾ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ﴿٤﴾

وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

# Terjemahan

1. Katakanlah: Hai orang-orang yang kafir.
2. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah.
3. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah.
4. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah.
5. Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah.
6. Untukmulah agamamu dan untukkulah agamaku.

(Al-Kafirun: 1-6)

# Pengajaran

1. Jelaskan prinsip
  - orang Islam tidak boleh mengikuti cara agama golongan bukan Muslim
  - dasar toleransi beragama dalam Islam
2. Tiada perkara lain kecuali perkara ini sahaja dalam satu surah
  - kepentingan perkara ini bagi umat Islam
3. “Untukmu agamamu, dan untukku agamaku”
  - juga ajar umat Islam hormat dan jamin kebebasan bukan Muslim mengamalkan mereka

4. “Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah..... Untukmu agamamu, dan untukku agamaku”
  - bukan anjuran agar umat Islam asingkan diri dari bukan Muslim untuk jaga kemurnian agamanya dan elak bercampur dengan amalan bukan Muslim
  - bukan untuk jadi Muslim eksklusif
  - anjuran berinteraksi dengan bukan Muslim untuk tujuan dakwah
  
5. Surah jelaskan garis pandu berinteraksi dan bermuamalah dengan golongan bukan Muslim
  - jika tiada interaksi, tidak perlu kepada prinsip ini
  - tidak dijelaskan dalam satu situasi yang kosong (vacuum)
  - diturunkan sebagai natijah dari interaksi Rasulullah s.a.w dalam berdakwah kepada golongan bukan Muslim.

6. Umat Islam hendaklah berusaha berinteraksi dengan bukan Muslim untuk berdakwah, tapi perhatikanlah prinsip ini
7. Dalam situasi masyarakat Islam juga berada dalam kejahilan tentang agama, usaha dakwah terbahagi antara keperluan dakwah kepada masyarakat Islam dan kepada bukan Muslim - harus ada sikap yang seimbang antara dua tuntutan ini
8. Dakwah haruslah mempunyai peranan dalam dakwah kepada masyarakat Islam dan kepada bukan Muslim - peratusan yang diberi mungkin berbeza-beza mengikut pertimbangan keadaan, tapi kedua-dua mesti ada